

Hasilkan kereta elektrik berkualiti mampu milik

UM - 21/7/2022 mlh: 3

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN

utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Industri automotif negara perlu bergerak ke arah menghasilkan kereta elektrik berkualiti tinggi mampu milik bersama-sama sistem sokongan lengkap menerusi kerjasama strategik syarikat-syarikat besar negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Perodua boleh mengambil peluang baharu ini manakala Tenaga Nasional Bhd. berusaha meningkatkan pengeluaran elektrik menggunakan sumber tenaga yang bersih serta penyediaan stesen pengecas kenderaan elektronik yang secukupnya.

“Telekom Malaysia pula dapat membuka kerjasama dengan kedua-dua pihak ini melalui penyediaan pakej data yang mampu memudahkan para pengguna untuk membuat tempahan caj kenderaan secara dalam talian.

“Malah, saya juga baru-baru ini meminta Universiti Pendidikan Sultan Idris membangunkan pusat latihan dan penyelidikan iaitu Center of Advanced Automotive Research and Training (CAART),” kata Ismail Sabri ketika merasmikan majlis pelancaran Perodua Alza serba baharu di Pusat Konvensyen Kuala Lum-



ISMAIL Sabri Yaakob (tengah) bersama Pengerusi Perodua, Tan Sri Asmat Kamaludin (dua kanan) dan Presiden Daihatsu Motor Co, Soichiro Okudaira (kanan) ketika merasmikan pelancaran Perodua Alza di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) semalam. - UTUSAN/ARIZ RUSADIO

pur di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, kerjasama seperti itu dapat membantu mencapai matlamat karbon neutral di Malaysia pada tahun 2050, seperti dipersetujui di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Katanya, kerjasama pintar itu

juga perlu dilaksanakan segera bagi mengatasi kesan perubahan iklim yang melanda dunia.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan menyedari potensi industri automotif terhadap ekonomi negara selepas negara bangkit semula daripada pandemik Covid-19.

Bagaimanapun, kata beliau, negara kini berdepan dengan ketidakpastian ekonomi global seperti krisis geopolitik dan perubahan iklim.

“Kerajaan berusaha menghadapi cabaran tersebut tetapi memerlukan kerjasama semua pihak,” katanya.